

26/02/2003

Akhbar AS, Britain kurang lapor berita

BEBERAPA akhbar di Amerika Syarikat dan Britain, sekurang-kurangnya edisi online mereka, kurang memberi laporan mengenai Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 20 Februari lalu sehingga semalam.

Tinjauan secara rambang terhadap laman web akhbar di kedua-dua negara berkenaan mendapati liputan mengenai persidangan itu agak hambar.

Laporan mengenai NAM yang dimuatkan hanya menyiarkan berita mengenai persidangan itu secara ringkas dan kebanyakannya memetik daripada agensi berita masing-masing.

Antara akhbar di Amerika Syarikat yang kurang melaporkan berita NAM ialah Washington Times dan Los Angeles Times. Namun, New York Times memuatkan dua laporan dalam edisi onlinenya semalam, termasuk mengenai ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian Sidang Kemuncak NAM itu.

Akhbar di Britain juga kurang memberi liputan mengenai perkara sama.

Sementara itu, Washington Post, sejak Sabtu lalu hingga semalam, hanya menyiarkan satu berita mengenai NAM yang dipetik daripada agensi berita Amerika Syarikat, The Associated Press (AP), iaitu melaporkan semua anggota NAM mendesak Korea Utara tidak meneruskan rancangan bagi menggunakan senjata nuklear, tetapi negara komunis itu enggan mengikut arahan untuk mengubah haluan dari bersikap berdiam diri terhadap Amerika Syarikat.